

Tema Bulan Bahasa 2008

Slogan bagi BB2008 ialah **Sempurnakan Bahasa. Gunakan Sentiasa.**

Slogan ini menggalakkan kita agar terus menggunakan bahasa Melayu yang baik dalam kehidupan seharian kita. Ini dapat dilakukan setiap kali kita mempunyai peluang dalam konteks-konteks sesuai. Dengan kerapnya menggunakan bahasa Melayu, kebolehan berbahasa kita akan menjadi lebih sempurna.

Bahasa Melayu yang sempurna merujuk pada penggunaan bahasa Melayu yang baik untuk tujuan berkomunikasi dalam pelbagai bidang. Sempurna atau baik yang sesuai dengan konteks, aspek bahasa yang betul penggunaannya seperti penggunaan bahasa Melayu yang tidak dicampurkan dengan bahasa lain.

Cara kita menggunakan bahasa Melayu berbeza daripada seorang pengguna dengan pengguna yang lain bergantung pada keperluan. Dalam urusan seharian dengan keluarga, rakan-rakan, jiran tetangga dan dalam hubungan masyarakat berbeza dengan penggunaan bahasa Melayu untuk tujuan intelektual dalam menyampaikan pemikiran kritis dan mencipta sesuatu yang kreatif dalam bidang seni.

Oleh itu, slogan **Sempurnakan Bahasa. Gunakan Sentiasa.** menggambarkan aspirasi pengguna bahasa Melayu di Singapura untuk memperelok bahasa mereka dengan semangat untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai keperluan dalam konteks kehidupan di negara ini sesuai dengan objektif Bulan Bahasa 2008.